

09 APR 2004

KONSORTIUM-DIPERDANA

KONSORTIUM LOGISTIK TUNGGU KELULUSAN SC BAGI RANCANGAN PEMILIKANNYA

Oleh: Tengku Noor Shamsiah

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Langkah Konsortium Logistik Bhd untuk mengambilalih keseluruhan operasi perniagaan sedia ada Di-Perdana masih belum diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC), kata pengerusi eksekutif dan presidennya Mirzan Mahathir.

Pengambilalihan itu sekiranya diluluskan akan menjadikan Konsortium penyedia logistik terbesar di negara ini.

"Kami menunggu jawapan daripada SC dan berharap dengan kepimpinan baru dalam suruhanjaya itu, ianya tak lama lagi," katanya kepada Bernama apabila ditanya mengenai perkembangan usaha pengambilalihan itu.

Mirzan berkata beliau berharap proses pengambilalihan itu akan siap pada pertengahan tahun ini kerana ianya telah terlebih tempoh.

Konsortium telah membeli aset dan perniagaan DiPerdana dengan harga RM80 juta menerusi terbitan 50 juta saham baru Konsortium bernilai RM1 setiap satu pada harga terbitan RM1.60 bagi satu saham Konsortium.

DiPerdana bergiat dalam pengangkutan kontena menerusi jalan raya dan rel, penghantaran, pengurusan depot kontena dan pergudangan.

Dengan selesainya usaha itu, Mirzan berkata Konsortium berharap dapat meningkatkan bahagian pasarannya kepada 20 peratus daripada 10 peratus ketika ini.

Langkah itu akan mengembangkan jumlah pelanggan kumpulan dan membolehkannya menyediakan rangkaian perkhidmatan logistik yang lebih bersepadu kepada industri.

Konsortium telah memeterai perjanjian tambahan pertama dengan DiPerdana Bhd untuk menyemak semula pertimbangan pembelian cadangan pemilikan perniagaan DiPerdana pada November 2002 dan menjangka ianya selesai pada tahun kewangan yang berakhir pada 31 Dis, 2003. -- BERNAMA

TNS KTC ZK